

30 MAR 1996

Mahathir-Kemboja

CEMBURU SEBABKAN KEMBOJA DITUDUH MENJADI NEGERI KE-14 M'SIA

KAJUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata perasaan cemburu sesetengah pihak terhadap penglibatan Malaysia di Kemboja menyebabkan negara itu digelar kononnya sebagai negeri ke-14 Malaysia.

Katanya Perdana Menteri Pertama Kemboja Putera Norodom Ranariddh memberitahunya bahawa Perancis menuduh kerajaan Kemboja memihak kepada Malaysia terutamanya dalam soal pelaburan kerana isterinya (Ranariddh) berketurunan Melayu.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Ranariddh yang membuat lawatan sehari ke Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Dia pun sebut tadi...dia kata Perancis ni nampaknya macam cemburu dan menuduh kononnya dia memihak kepada Malaysia kerana isterinya berketurunan Melayu.

"Dia mengaku isterinya ialah keturunan Melayu tetapi bukan sebab itu dia berbaik-baik dengan Malaysia."

Dr Mahathir mengulas dakwaan sebuah majalah asing yang menyatakan Kemboja kononnya kini negeri ke-14 Malaysia.

"Perasaan cemburu itulah yang menyebabkan timbulnya tuduhan sedemikian," katanya.

Dr Mahathir berkata pelaburan Malaysia di Kemboja dibuat dengan penuh berhati-hati.

Dr Mahathir berkata mereka juga berbincang mengenai masalah pembangunan dan pemerintahan di Kemboja.

"Saya memberitahu beliau bahawa kalau ada apa-apa masalah yang kita boleh tolong Kemboja, kita akan tolong," katanya.

Perdana Menteri juga berkata Ranariddh membuat beberapa cadangan mengenai pembangunan di Lembah Mekong tetapi enggan mengulas lanjut tentang cadangan yang dibuat.

Apabila ditanya mengenai tuduhan bahawa ahli perniagaan Malaysia telah merebut segala peluang perniagaan di Kemboja, Ranariddh berkata: "Saya telah dapat memberi penjelasan mengenai tuduhan itu (kepada Dr Mahathir)."

Beliau juga telah memberi jaminan kepada Dr Mahathir bahawa projek yang mempunyai penglibatan Malaysian sedang berjalan lancar dan beliau berharap lebih banyak pelabur Malaysia akan datang ke negaranya.

Ranariddh juga berkata beliau turut memberitahu Dr Mahathir tentang sokongan Kemboja terhadap projek Lembah Mekong. Malaysia mengetuai jawatankuasa khas mengenai projek itu.

Beliau berkata Kemboja bersedia untuk menghadiri mesyuarat peringkat pegawai dan menteri mengenai pembangunan kawasan lembah itu yang dijadualkan berlangsung di sini pertengahan tahun ini.

"Saya juga telah menyarankan kepada Dr Mahathir supaya persidangan kemuncak diadakan di Kuala Lumpur untuk mendapatkan persetujuan pada dasarnya daripada semua Perdana Menteri dan Ketua Kerajaan yang berkaitan di samping Jepun," katanya.

Lembah Sungai Mekong, kawasan yang meliputi dua negara Asean -- Vietnam dan Thailand -- dan tiga bakal anggota, Kemboja, Laos dan Myanmar juga meliputi lima wilayah di bahagian barat daya China.

Kawasan itu telah dikenal pasti sebagai lingkungan pertumbuhan Asia barat daya yang mempunyai potensi besar bagi pembangunan ekonomi dengan mempunyai pasaran 325 juta orang. -- BERNAMA

MAM NMO

